



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	KOSMO
Date	2/5/2012

KOSMO! RABU 2 MEI 2012

NEGARA! 3

Memoir Dr. Mahathir dedah empat wanita dikaitkan dengan Anwar

Kosmo - 2/5/2012

KUALA LUMPUR – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam buku *A Doctor In The House* versi Bahasa Melayu yang dilancarkan kelmarin antara lain menceritakan mengenai skandal seks melibatkan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Buku terjemahan bertajuk *Doktor Umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad* itu mula dijual sejak Isnin lalu.

Melalui buku itu, Dr. Mahathir berkata, pada mulanya beliau sukar untuk mempercayai bahawa orang yang bakal menggantikan tempatnya satu ketika dahulu tergamak

melakukan perbuatan yang tidak bermoral.

“Apabila Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor dan pegawai penyiasat, Tan Sri Musa Hassan menyerahkan bukti kepada saya, maka saya sedar yang saya tidak boleh lagi mengabaikan maklumat itu.

“Saya beritahu mereka yang saya mahu berjumpa dengan saksi-saksi berkenaan dan bercakap sendiri dengan mereka secara peribadi,” tulisnya dalam buku yang dijual pada harga RM59.90 itu.


Buku setebal 996 muka surat itu diterbitkan oleh MPH Group Publishing dan terje-

mahnya dibuat oleh Ketua Pengarang Berita Publishing, Datuk A. Kadir Jasin.

Dr. Mahathir menambah, selain mangsa liwat, beliau turut menemu bual empat wanita yang diperkenalkan oleh Datuk S. Nallakaruppan kepada Anwar.

Nallakaruppan merupakan rakan permainan tenis Anwar.

“Saya tidak boleh membiarkan langsung beliau berada dalam kerajaan, tindakan dan sikap pura-pura beliau yang berlagak sebagai seorang yang warak tidak boleh diterima,” tegas Dr. Mahathir.



DR. MAHATHIR (tengah) bersama Ketua Pegawai Eksekutif MPH, Datuk Ng Tieh Chuan (kiri) dan Kadir (kanan) pada majlis pelancaran buku *Doktor Umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad* di Kuala Lumpur Isnin lalu.